

# Najib guna dana SRC berbelanja mewah

**PUTRAJAYA:** Mahkamah Rayuan semalam diberitahu bahawa perbelanjaan mewah yang dibuat bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Itali dan Honolulu, Hawaii menunjukkan Ahli Parlimen Pekan itu mengetahui dana RM42 juta dari SRC International Sdn. Bhd. telah dimasukkan ke dalam akaunnya.

Bukti yang dikemukakan pihak pendakwaan juga menunjukkan Najib sengaja membutakan matanya mengenai asal usul dana tersebut dan ia tidak disangkal oleh pihak pembelaan.

Menurut Timbalan Pendakwa Raya *ad-hoc*, Datuk V. Sithambaram, berdasarkan bukti yang dikemukakan, Najib telah membelanjakan RM42 juta itu sebaik sahaja ia dimasukkan ke dalam akaunnya.

“Adalah jelas bahawa perayu (Najib) telah menggunakan dana yang diperoleh daripada SRC International berdasarkan bukti yang dikemukakan.

“Perbelanjaan yang dibuat menunjukkan beliau tahu dana RM42 juta dari SRC International telah dimasukkan ke akaun peribadinya. Sebagaimana dapatan hakim bicara, terdapat banyak fakta yang menunjukkan pengetahuan Najib berhubung dana tersebut termasuklah pengakuan perayu sendiri,” kata Sithambaram.

Sewaktu perbicaraan, Najib mengakui isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor telah membeli barang kemas bernilai RM3,282,734.16 daripada butik De Grisogono di Itali, menggunakan kad kreditnya sebagai hadiah untuk isteri bekas Perdana Menteri Qatar, Sheikh Ahmed Jassim Al Thani iaitu ahli perniagaan berketurunan kerabat Al Thani.

Najib juga memberitahu, beliau telah membeli jam tangan ASI30,625 (RM466,330.11) di butik Chanel menggunakan kad

kredit miliknya untuk memujuk wanita itu kerana terpaksa memendekkan percutian keluarga mereka di Honolulu, Hawaii.

Selain itu, bukti turut menunjukkan perayu telah mengeluarkan 14 keping cek untuk pelbagai kegunaan peribadi dan sumbangan politik termasuk pengubahsuaian kediaman peribadi beliau di Jalan Langgak Duta, Kuala Lumpur.

Sebahagian dana tersebut digunakan untuk pembayaran kad-kad kredit Najib dan pembayaran balik pinjaman yang diperoleh daripada syarikat-syarikat milik Kumpulan Putra Perdana Berhad.

Pendakwa Raya itu berhujah demikian ketika membuat hujahan balas terhadap rayuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak atas sabitan salah dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta yang dikenakan terhadapnya oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana syarikat SRC International berjumlah RM42 juta.

Terdahulu, pendakwaan menghujahkan bahawa pembelaan Najib bahawa wang RM42 juta adalah derma daripada Arab Saudi, hanyalah satu rekaan yang lemah. Rayuan yang memasuki hari ke-11 didengar Hakim Datuk Karim yang bersidang bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat dan Hakim Vazeer bersambung hari ini.

Selain itu, saksi-saksi pembelaan sendiri; bekas Duta Malaysia ke Arab Saudi, Profesor Datuk Syed Omar Syed Mohamad Al-Saggaf (DW4), bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (DW5) dan bekas Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman (DW6), telah memberikan keterangan bercanggah.